

BANJIR BAWA AIR MATA

Paras air Sungai Perak **meningkat**

■ RIDAUDDIN DAUD

KUALA KANGSAR - Paras air Sungai Perak semakin meningkat sehingga menyebabkan kawasan di lembah Kuala Kangsar kembali dinaiki air bermula jam 1.30 tengah hari, semalam.

Menjelang jam 3.30 petang, air semakin naik dan hampir memasuki kawasan kedai, menyebabkan peniaga-peniaga di situ diarahkan meninggalkan kawasan tersebut.

Seorang peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Man, 43, memberitahu, ramai peniaga mula membersihkan kedai selepas air surut dan tidak menyangka air akan naik semula.

Katanya, mereka segera mengemaskan kedai dan meletakkan barang-barang di tempat tinggi dan serta selamat selepas melihat air naik.

"Saya tak sangka air akan naik semula dan berharap kenaikan air kali ini bersifat sementara. Mungkin air naik disebabkan hujan lebat semalam (kelmarin).

"Saya rasa banjir kali ini mungkin tidak seteruk pada 24 Disember lalu," katanya kepada *Sinar Harian* di kedainya, semalam.

Sementara itu, Mohd Nasir Abdullah, 36, berkata, dia bimbang kenaikan paras air akan menjejaskan kawasan lain di Sayong seperti Kampung Sayong Lembah

dan Kampung Sayong Tebing.

Menurutnya, kawasan tersebut pasti terjejas sekiranya air naik berikutan banjir sebelum ini menyebabkan banyak rumah di kampung tersebut ditenggelami air.

"Mereka baru sahaja membersihkan rumah dan ada yang sudah masuk semula ke rumah.

"Kalau air naik, mungkin mereka terpaksa berpindah dan menetap semula di pusat pemindahan," katanya.

Mohd Nasir berkata, walaupun paras air mungkin meningkat dalam masa terdekat, namun dia berharap situasi itu tidak seteruk dua minggu lalu.



Peniaga di Lembah Sayong, Perak, memerhatikan keadaan air yang sekali lagi membanjiri kawasan itu selepas hujan yang berpanjangan, semalam. Foto Bernama